

37

Penggunaan Rutin Berfikir Mata Kompas dan Nyatakan-Sokong-Soal dalam Pengajaran Lisan

Nurhiza Mohamed

nurhiza_mohamed@moe.edu.sg

Nurul Hidana Ahmad


nurul_hidana_ahmad@moe.edu.sg

Sekolah Rendah Cantonment

Abstrak

Murid-murid menghadapi kesukaran menjana idea yang berkesan untuk menjawab soalan-soalan perbualan yang diajukan berdasarkan klip video semasa latihan dan ujian lisan. Hujah-hujah yang diutarakan kurang penerangan yang bernas. Murid juga tidak dapat memanfaatkan masa yang diberikan semasa waktu persediaan dengan berkesan. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk meneliti keberkesanan rutin berfikir dalam meningkatkan keupayaan murid bagi kemahiran bertutur dan memupuk pemikiran kritikal dalam kalangan murid. Dapatan kajian menunjukkan murid dapat menjawab soalan-soalan interaksi lisan secara tersusun dan memberikan pandangan yang bernas serta menunjukkan kemahiran berfikir aras tinggi. Dapatan kajian menunjukkan 96.8% murid lulus dalam peperiksaan akhir tahun bagi komponen lisan. Sebanyak 45.2% murid pula meraih gred A.

Kata Kunci: rutin berfikir, kemahiran berfikir, interaksi lisan, pemikiran kritikal, bernas



PENGENALAN


Pendekatan Menjadikan Pemikiran Jelas ataupun *Making Thinking Visible* (MTV) menggalakkan budaya berfikir dalam kalangan murid. Pendekatan ini selaras dengan salah satu kemahiran abad ke-21, iaitu kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif. Namun, mengajar kemahiran ini bukanlah sesuatu yang mudah. Pendekatan MTV membantu guru-guru membina kemahiran berfikir murid dengan mengaplikasikan rutin berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Alat-alat dokumentasi yang digunakan sewaktu rutin-rutin berfikir ini dijalankan di kelas membantu murid melihat proses pemikiran mereka dengan jelas. Keupayaan metakognitif murid juga dapat dirangsang untuk meneroka idea-idea yang baharu. Secara tidak langsung, murid diasah untuk berfikir secara kreatif dan kritikal.

Unit Bahasa Melayu Sekolah Rendah Cantonment telah menggunakan rutin-rutin berfikir dalam pengajaran bahasa sejak tahun 2014. Antaranya ialah penggunaan rutin berfikir Mata Kompas (MK) dan Nyatakan-Sokong-Soal (NSS) dalam pengajaran interaksi lisan. Kertas kajian ini membincangkan bagaimana rutin-rutin berfikir ini berupaya mempertingkatkan kemahiran berfikir murid dan sekaligus, membantu mereka menjana idea-idea yang bernas untuk menjawab soalan-soalan peperiksaan lisan.

PERNYATAAN MASALAH

Penggunaan klip video sebagai bahan rangsangan dalam komponen lisan menimbulkan suatu cabaran bagi murid yang menduduki format ujian PSLE 2017 yang baharu. Murid menghadapi kesukaran menjana idea yang berkesan untuk menjawab soalan-soalan yang diajukan berdasarkan video. Hujah-hujah yang diutarakan kurang penerangan yang bernas. Murid juga tidak dapat memanfaatkan masa yang diberikan semasa waktu persediaan dengan berkesan.

Justeru, kajian yang dijalankan ini menggabungkan rutin berfikir MK dan NSS untuk membantu murid berinteraksi bersama pemeriksa ujian lisan dengan yakin. Rutin berfikir ini diharapkan dapat membantu murid-murid membina kemahiran menjana idea secara kritis dan sistematik semasa menghadapi peperiksaan lisan.



TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. meneliti sejauh manakah keberkesanan rutin berfikir Mata Kompas dan Nyatakan-Sokong-Soal dalam meningkatkan keupayaan murid dalam kemahiran bertutur; dan
2. memupuk pemikiran kritikal dalam kalangan murid.


KAJIAN LEPAS

Nelson Goodman, seorang ahli falsafah di *Harvard Graduate School of Education*, mempelopori Projek Zero pada tahun 1967. Projek Zero mengkaji tentang *Visible Thinking*, suatu kaedah menjadikan pemikiran jelas dan nyata.

Pada tahun 2005, kajian mengenai pelbagai rutin berfikir telah dibukukan oleh Ron Ritchhart dan David Perkins. Kajian ini menunjukkan keberkesanan rutin-rutin berfikir yang digunakan oleh guru-guru dalam pengajaran. Rutin-rutin berfikir dilihat memberi impak yang positif dalam pembelajaran pelajar. Rutin-rutin ini membantu membentuk pemikiran mereka dan ini mempertingkatkan tahap keyakinan diri mereka. Guru-guru juga dapat menilai pemahaman pelajar dengan lebih tepat untuk melakukan tindakan selanjutnya.

Di Singapura, beberapa guru juga telah membuat kajian mengenai keberkesanan rutin-rutin berfikir di sekolah. Antaranya ialah Farrah Mohamed Ghazali (2015). Kajiannya menggunakan rutin berfikir sebagai wahana pencetus intelek dan pembuka minda. Wahana rutin berfikir ini telah diperkenalkan kepada pelajar-pelajar Menengah 1 hingga 3. Berdasarkan kajian yang dijalankan, tahap pemikiran dan peluasan idea pelajar dapat ditingkatkan.

Nur Ain Mohamed Amindan Farhati Kamsani (2016) pula menjalankan kajian yang melibatkan murid-murid Darjah 4 bagi meningkatkan kemahiran aras tinggi. Penggunaan rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya telah dapat meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi murid.



KAEDAH KAJIAN

Kajian ini menerapkan rutin berfikir yang diutarakan oleh Ritchhart R., Church M. dan Morrison K (2011). Mereka telah menyusun rutin berfikir kepada tiga kelompok, iaitu rutin untuk mengenalkan dan meneroka idea, rutin untuk mensintesis dan menyusun idea dan rutin untuk mengupas idea dengan lebih mendalam. Data keputusan ujian semester 1 (SA1) dan ujian semester 2 (SA2) digunakan untuk membuat perbandingan dan dianalisis bagi menilai keberkesanan strategi rutin berfikir yang digunakan.


Selain itu, kaedah pengajaran secara eksplisit yang diterajui oleh Rosenshine (1985) turut diaplikasikan. Kaedah pengajaran secara eksplisit merupakan kaedah pengajaran yang berstruktur, sistematik dan menekankan penguasaan kemahiran dan pengetahuan bahasa murid melalui penyertaan aktif dalam proses pembelajaran. Kaedah pengajaran ini digunakan dalam kajian ini bagi melakar rancangan pelajaran yang lebih tersusun. Kaedah pengajaran secara eksplisit terdiri daripada lima peringkat, iaitu peringkat pengenalan, penerangan, modeling, latihan dan penutup. Selain itu, kajian ini turut menggunakan strategi pembelajaran kooperatif seperti Meja Bulat dan menerapkan penilaian formatif menggunakan *FAST kits* agar aktiviti yang dijalankan lebih menarik dan bersifat interaktif.

Subjek Kajian

Seramai 31 orang murid Darjah 5 Bahasa Melayu yang berada dalam tahap pelbagai keupayaan, iaitu keupayaan melebihi aras kebolehan, pada aras kebolehan dan praaras kebolehan telah terlibat dalam kajian ini. Pemilihan subjek bagi peringkat ini dilakukan untuk melatih dan meningkatkan keupayaan murid dalam menjawab soalan Lisan untuk PSLE tahun 2018.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang telah digunakan ialah rutin berfikir MK dan NSS. Keupayaan murid dinilai dari segi cara murid mengenal pasti bukti dalam pemilihan jawapan dan juga kemahiran penaakulan. Selain itu, pemerhatian guru terhadap sikap dan pemahaman murid menggunakan rutin berfikir juga diambil kira dalam kajian ini. Tugasan kerja berkumpulan dan pembelajaran kooperatif memberikan peluang kepada murid untuk menerangkan dan berkongsi pemikiran mereka semasa



perbincangan. Secara tidak langsung, perkongsian ini meluaskan lagi pemikiran pelajar dalam memberikan dalil atau sebab dan bukti bagi jawapan mereka.

Prosedur Kajian

Kajian ini telah dijalankan sepanjang tahun 2017 sewaktu Projek Jawatankuasa Pembelajaran Profesional. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji keberkesanan beberapa rutin berfikir MK dan NSS dalam menjawab soalan lisan menggunakan klip video sebagai bahan rangsangan bagi perbincangan. Kumpulan ini telah memilih kaedah kajian pengajaran. Sebanyak empat kitaran kajian pengajaran telah dijalankan dengan menggunakan sampel kajian yang sama. Analisis data kemudian dilakukan bagi melihat keberkesanan rutin berfikir ini dalam pembelajaran Bahasa Melayu.


Pada peringkat awal kajian ini, guru telah mengajukan soalan lisan untuk mengetahui keupayaan murid. Murid belum didedahkan kepada rutin-rutin berfikir. Seterusnya guru mendedahkan murid kepada rutin berfikir dan templat rutin berfikir untuk memudahkan murid menjawab soalan-soalan lisan. Setelah itu, murid diberikan latihan untuk melengkapkan templat MK dan NSS. Markah yang diperoleh murid-murid diambil sebagai data praujian. Pada putaran yang pertama, guru telah menggunakan Rutin Berfikir NSS.

Pada awal pengajaran, guru mengajukan soalan-soalan berikut:

1. Nyatakan jawapan kamu. (Nyatakan)
2. Buktikan jawapan kamu. (Sokong)
3. Apakah yang membuatkan kamu ragu-ragu tentang jawapan kamu? (Soal)

Guru menggalakkan murid untuk memberikan sebab-sebab menyokong jawapan mereka.

Guru seterusnya memperkenalkan kepada murid rutin berfikir MK, yang digunakan berserta rutin berfikir NSS untuk putaran kedua, ketiga dan keempat. Rutin berfikir MK ini memerlukan murid memberikan penerangan tentang perkara yang dilihat dan didengar dalam video serta mengaitkan pengalaman peribadi semasa menjawab soalan-soalan yang diajukan. Penggunaan rutin berfikir MK menggalakkan murid berfikir dengan menyeluruh, murid dikehendaki





mengutarakan apa yang mereka teruja, bimbang, ingin ketahui dan memberikan saranan berdasarkan soalan yang diberikan. Keberkesanan rutin ini dapat dilihat menerusi analisis dapatan kajian.


DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Secara keseluruhan, berdasarkan pemerhatian guru dan respons murid, pandangan yang diberikan murid mengenai isu-isu berkaitan dengan video didapati lebih mendalam. Jika dilihat dalam ujian SA2, dapatan kajian menunjukkan bahawa 96.8% murid lulus bagi komponen lisan. Rajah 1 menunjukkan bahawa sebanyak 61.3% murid telah mengalami peningkatan markah dalam komponen lisan. Peratusan murid yang meraih gred A juga meningkat ke 45.2% jika dibandingkan dengan ujian SA1.

Rajah1: Pencapaian Murid dalam Peperiksaan Lisan



Rajah2: Pencapaian Murid dalamPeperiksaan Lisan




Diperingkat awal rutin berfikir NSS sahaja digunakan untuk pembelajarakomponen interaksi lisan. Para pengkaji mendapati bahawa murid hanya berupaya memberikan penerangan tentang perkara yang dilihat dan didengar dalam video sahaja. Murid tidak membincangkan tentang isu-isu berkaitan dengan sikap prihatin walaupun mereka mengaitkannya dengan pengalaman peribadi mereka. Sila rujuk Jadual 1 dan 2 bagi respons murid yang berbeza temanya.

Jadual 1: Contoh Jawapan Murid Mengenai Tema Sikap Prihatin

Klip Video 1: Kongsi sikap prihatin yang pernah kamu lakukan terhadap orang lain.

Nyatakan	Saya pernah menunjukkan sikap prihatin terhadap orang lain.
Sokong	Saya melihat seorang wanita tua sedang turun tangga sambil mengangkat barang-barang yang berat.
Soal	Bagaimanakah kita boleh menunjukkan sikap prihatin?



Jadual 2: Contoh Jawapan Murid Mengenai Tema Alam Sekitar

Klip video 2: Selain daripada apa yang kamu lihat dalam klip video, apakah yang akan kamu lakukan untuk melindungi alam sekitar?


Nyatakan	Kita boleh memberitahu masyarakat supaya tidak membuang sampah sembarangan dan kitar semula barangan terpakai.
Sokong	Ramai orang telah ditangkap membuang sampah sembarangan. Ramai orang yang membazir duit dan tidak mengitar semula.
Soal	Apakah yang boleh kita lakukan untuk melindungi alam sekitar?

Bagi membantu murid mengembangkan idea mereka dengan lebih kritis dan mendalam, rutin berfikir MK digunakan sebagai tambahan daripada aktiviti awal yang menggunakan rutin berfikir NSS. Rujuk Jadual 3 dan 4.

Jadual 3: Jawapan Murid Mengenai Tema Sikap Prihatin

Klip video 1: Kongsi sikap prihatin yang pernah kamu lakukan terhadap orang lain.

Teruja	<ul style="list-style-type: none">• Orang yang menolong orang lain akan berasa bangga dan mereka akan terdorong untuk menunjukkan sikap prihatin terhadap orang lain.• Sikap prihatin tidak hanya ditunjukkan terhadap orang lain tetapi juga terhadap alam sekitar.
ketahui	<ul style="list-style-type: none">• Bagaimanakah kita menunjukkan sikap prihatin?• Apakah yang akan terjadi jika manusia tidak menunjukkan sikap prihatin dan selalu mementingkan diri sendiri?
Bimbang	<ul style="list-style-type: none">• Ada orang yang akan mengambil kesempatan atas kebaikan orang lain.• Ada orang yang akan berpura-pura menunjukkan sikap prihatin untuk mendapat hadiah.• Orang yang ditolong tidak menghargai pertolongan yang dihulurkan.




Saranan	<ul style="list-style-type: none"> Sikap prihatin penting. Kita harus menggalakkan kawan-kawan dan keluarga untuk menunjukkan sikap prihatin. Guru boleh mendapatkan murid untuk membuat poster tentang sikap prihatin. Ibu bapa dan pihak sekolah boleh dedahkan murid pada aktiviti-aktiviti sukarela yang
	menggalakkan sikap prihatin. Contohnya: Lawatan ke rumah tumpangan warga emas.

Jadual 4: Contoh Jawapan Murid Mengenai Tema Alam Sekitar

Klip video 2: Selain daripada apa yang telah kamu lihat dalam klip video, apakah yang akan kamu lakukan untuk melindungi alam sekitar?

Teruja	<ul style="list-style-type: none"> Lebih banyak binatang yang boleh diselamatkan. Udara menjadi lebih segar. Pemanasan global boleh dielakkan.
Ketahui	<ul style="list-style-type: none"> Apakah yang boleh dilakukan untuk menghentikan orang daripada membuang sampah sembarangan? Apakah cara-cara lain untuk melindungi alam sekitar dan haiwan? Bagaimanakah untuk menyelamatkan binatang-binatang itu?
Bimbang	<ul style="list-style-type: none"> Banyak binatang telah dibunuh dan kulit mereka digunakan untuk membuat beg. Ada ramai orang yang menebang pokok secara haram.. Binatang-binatang kehilangan tempat tinggal. Ada ramai orang yang membuang sampah ke dalam laut. Kehidupan-kehidupan laut terperangkap dalam sampah-sampah itu dan mati.
Saranan	<ul style="list-style-type: none"> Melindungi alam sekitar penting. Elakkan membeli produk-produk yang diperbuat daripada kulit binatang. Menanam lebih banyak pokok. Memuatnaikkan video-video di Youtube dan menulis di blog apa yang boleh kita lakukan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan melindungi alam sekitar.

Dapatan ini menunjukkan bahawa murid lebih bersedia untuk memberikan respons peribadi tentang konteks atau isu yang berkaitan dengan tema. Rutin



berfikir MK ini membantu murid daripada pelbagai keupayaan memberikan pandangan mereka. Murid juga memperlihatkan sikap yang positif dan melibatkan diri secara aktif semasa perbincangan kelas. Rutin-rutin berfikir ini dapat meningkatkan tahap berfikir dan peluasan idea dalam kalangan murid.

Murid yang pendiam dan kurang aktif juga berpeluang untuk melibatkan diri secara aktif semasa melakukan aktiviti-aktiviti yang telah dirancang oleh guru. Perbincangan dua hala antara murid dengan murid dan antara murid dengan guru lebih menyerlah. Berdasarkan hasil pemikiran murid yang didokumentasikan guru juga dapat meninjau dan menilai tahap pemikiran dan keupayaan setiap murid. Jawapan murid didapati lebih teratur dan berstruktur dengan menggunakan rutin berfikir.

Penggunaan rutin berfikir MK menyokong dan menambah nilai hasil pemikiran murid selepas penggunaan rutin berfikir NSS. Rutin berfikir MK mengukuhkan lagi kemampuan murid berfikir dari sudut pandangan yang pelbagai berdasarkan tema yang diberikan. Rutin ini membantu murid mengembangkan lagi idea mereka dan mengaitkan dengan pengalaman peribadi selepas rutin NSS digunakan.

KESIMPULAN

Penggunaan rutin berfikir dapat diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran. Guru juga harus dapat membuat pemilihan rutin-rutin berfikir yang sesuai dengan kemahiran dan objektif yang hendak dicapai. Sehubungan itu, guru juga perlu memainkan peranan yang aktif sebagai fasilitator ketika sesi perbincangan dan soal jawab agar dapat menggalakkan pemikiran yang lebih mendalam dalam kalangan murid. Guru harus mengajukan soalan yang mendorong murid berfikir dengan lebih kritis, terutamanya bagi soalan-soalan yang memerlukan murid berfikir dengan lebih mendalam.

Lapan budaya berfikir yang dikemukakan oleh Ron Ritchhart perlu diterapkan semasa rutin berfikir digunakan dalam pengajaran. Lapan budaya berfikir, iaitu masa, peluang, rutin dan struktur, bahasa, modeling, interaksi dan hubungan, persekitaran fizikal dan jangkaan amat penting bagi menggalakkan suasana budaya berfikir dalam kelas.

Secara keseluruhan, kajian ini telah mengukuhkan pemahaman guru



terhadap keberkesanan penggunaan rutin berfikir dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi memupuk kemahiran berfikir murid secara kritis dan kreatif. Berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh, jelas menunjukkan bahawa penggunaan rutin berfikir dapat membantu murid menjawab soalan-soalan ujian lisan dengan lebih yakin. Rutin berfikir yang diterapkan dalam pembelajaran Bahasa Melayu mampu membantu murid berfikir secara kritis. Bagi memastikan murid memahami tuntutan setiap rutin yang diperkenalkan kepada murid, guru haruslah sering menggunakannya agar pemahaman murid menjadi lebih kukuh dan murid dapat mengaplikasikannya dengan lebih efektif dalam pembelajaran mereka.

RUJUKAN

Hildebrand, M. F. Visible Thinking Routines: Creating a classroom culture of thinking. Marcia F. Hildebrand & Helen S. Simpson Holland Public Schools. *Special Education*, 23, 4.

Farrah Mohamed Ghazali (2015). Rutin berfikir: Pencetus intelek, pembuka minda dalam Prosiding Seminar Bahasa Melayu, Memperelok Budi Memperindah Bahasa, hlm. 417-429. Singapura: Pusat Bahasa Melayu Singapura.

Nur Ain Mohamed Amin dan Sadhana Yusop (2016). Penggunaan rutin berfikir dan iMTL untuk menggalakan pembelajaran sendiri dalam Prosiding Seminar Bahasa Melayu, Menjana Inovasi Memarak Inspirasi, hlm. 429-440. Singapura: Pusat Bahasa Melayu Singapura.

Ritchhart R., Church M. & Morrison, K. (2011). *Making thinking visible: How to promote engagement, understanding, and independence for all learners*. San Francisco: Jossey-Bass.

Ron Ritchhart (2015). *Creating cultures of thinking*. USA: Wiley Imprint.

Rosenshine, B. (1985). Direct instruction. In T. Husén & T. N. Postlethwaite (Eds.). *International Encyclopedia of Education* (Vols. 1-10, Vol. 3). Oxford: Pergamon Press.

Ritchhart R., Perkins D. (2008). Making thinking visible. *Jurnal Educational Leadership*. 65, 55-61.

